MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 17 JULAI 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1252-L15087
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Pendamai Komuniti yang telah dilantik sebagai orang tengah dalam menangani kes serangan dan pergaduhan antara kaum dan nyatakan sejauh manakah keberkesanan Pendamai Komuniti bagi meleraikan sebarang konflik antara kaum di negara ini khususnya kepada pencapaian Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM).

2. PN-1252-L15174
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kemajuan pelaksanaan program penggunaan bahan api B5. Sejauh manakah penggunaan bahan api B5 itu memberi kesan terhadap alam sekitar serta perkembangan industri sawit di negara ini. Adakah Kementerian bercadang memasarkan bahan api B5 di luar negara.

3. PN-1252-L15323
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah warganegara Malaysia yang terlibat dalam kes jenayah perdagangan manusia telah berjaya ditangkap setakat ini.

4. PN-1252-L15356
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan setelah mengambil pengajaran dari isu kelemahan yang timbul dari Perjanjian Jual Beli Tenaga Elektrik *(Power Purchase Agreements - PPAs)* yang jelas berat sebelah *(lopsided)* dan menyusahkan rakyat, apakah pendekatan Kerajaan untuk memastikan segala perancangan menangani masalah sektor bekalan tenaga elektrik yang telah berlanjutan sekian lama dapat diatasi sebagaimana cadangan atau unjuran mengikut Dasar Tenaga Negara yang pernah dirangka suatu masa dahulu.

5. PN-1252-L14823
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan Kerajaan pernah mengumumkan untuk menjual flat DBKL kepada penyewa pada dasar sewa beli. Berikan bilangan yang telah dijual kepada penyewa dan bilangan yang masih disewa.

6. PN-1252-L15274
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membendung masalah kebakaran rumah dan rumah kedai yang kerap berlaku akhir-akhir ini.

7. PN-1252-L15306
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan piawaian bagi pembinaan semua jalan raya serta sistem pemantauan dan penyelenggaraan yang diamalkan bagi menjamin kualiti jalan raya yang *world class* dan selamat.

8. PN-1252-L14781
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat kekangan bagi mana-mana bekas peguam Kerajaan yang pernah berkhidmat di Pejabat Peguam Negara yang berhasrat mewakili mana-mana individu daripada pihak pembangkang yang dikenakan tuduhan di mahkamah.

9. PN-1252-L14940
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan negara menghadapi masalah jerebu pada setiap tahun. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan perkara ini daripada berulang pada masa akan datang.

10. PN-1252-L15034
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) adakah pihak Kementerian berhasrat mengkaji semula pengeluaran Visa Warga Indonesia tertentu seperti visa jangka panjang suami/isteri yang berkahwin dengan warganegara kita supaya permohonannya dapat diproses di Pejabat Konsulat Malaysia tanpa merujuk kepada Pejabat Kedutaan Malaysia di Jakarta; dan

(b) apakah puncanya kelulusan visa ini perlu mendapat kelulusan Kedutaan Malaysia di Jakarta sedangkan Pejabat konsulat pun boleh membuat pemprosesan kelulusan permohonan tersebut.

11. PN-1252-L14986
Dr. S. Ramakrishnan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tahun 2012 mengikut kaum dan pecahan mengikut jurusan atau program pengajian.

12. PN-1252-L15141
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan hasil daripada penganjuran Parlimen Belia dan apakah langkah-langkah susulan yang akan dilakukan dalam memantau kualiti belia-belia yang telah terlibat dalam penganjuran tersebut.

13. PN-1252-L14748
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang meminda akta yang berkaitan dengan penggunaan istilah-istilah asing pada papan tanda perniagaan yang menggambarkan kurangnya semangat nasionalisme di kalangan para peniaga tersebut.

14. PN-1252-L15324
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kerajaan sedang lakukan agar semua murid di seluruh negara dibekalkan dengan sebuah komputer riba *(laptop)* atau "tablet" sebagai satu langkah untuk menyiapkan diri murid-murid dengan era menimba ilmu yang berasaskan komputer.

15. PN-1252-L15166
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tahap pencapaian Skim Sara 1Malaysia yang telah diperkenalkan, serta apakah tahap pencapaian skim ini dan berikan pecahan mengikut kaum yang telah berjaya di dalam skim ini.

16. PN-1252-L14912
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam membendung senario penukaran syarat tanah daripada pertanian kepada pembangunan yang memberi kesan kepada sektor makanan asas seperti penanaman padi.

17. PN-1252-L14904
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah komponen sebenar yang terdapat dalam Gaji Minimum seperti diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 30 April 2012. Bagaimanakah perbezaan kadar gaji minimum antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dapat merapatkan perbezaan sedia ada dalam perundangan buruh antara negeri-negeri tersebut.

18. PN-1252-L15244
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan supaya dapat menyediakan paip-paip gas di semua kawasan industri di seluruh negeri dalam Malaysia terutama negeri Melaka kerana kilang-kilang industri masa kini kebanyakannya menggunakan sistem gas.

19. PN-1252-L14898
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk merombak kembali skim subsidi kuota minyak masak kerana terdapat laporan bahawa sistem pengagihan kepada syarikat-syarikat berkenaan adalah tidak sama rata sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati daripada banyak pihak.

20. PN-1252-L15089
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Perhimpunan Bersih 3.0 di Mekah dan Madinah oleh jemaah Malaysia telah menjejaskan kuota atau peruntukan jemaah haji Malaysia tahun ini dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang tindakan kepada jemaah haji Malaysia yang ingin melaksanakan ibadah haji tahun ini.

21. PN-1252-L14935
Tuan Lee Cheam Choon minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sistem kuota yang diamalkan oleh pihak Kerajaan dalam bidang ekonomi dan pendidikan telah banyak menyekat peluang rakyat negara ini untuk bersaing secara adil. Adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan sistem kuota ini supaya perkembangan ekonomi mahupun pendidikan di negara ini berkembang dengan lebih sihat.

22. PN-1252-L15158
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar berketurunan Bumiputera Siam yang mendapat dan menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi awam, politeknik serta institut latihan kemahiran pada tahun ini, mengikut pecahan bidang pengajian.

23. PN-1252-L15286
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan supaya masyarakat dapat mewujudkan semula semangat kejiranan yang kukuh dan harmoni, bersatu-padu seperti yang pernah terjadi satu ketika dahulu terutama dalam mengaplikasikan konsep 1Malaysia.

24. PN-1252-L14775
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pandangan Kementerian berkaitan isu pendidikan percuma seperti yang diperjuangkan oleh beberapa pihak hingga ke peringkat mengadakan demonstrasi yang turut didalangi oleh parti pembangkang.

25. PN-1252-L15275
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha serius dari segi meningkatkan mutu sukan sepak takraw, kerana sukan sepak takraw adalah sukan tradisi yang boleh membawa pingat emas yang mana pada akhir-akhir ini sangat merudum.

26. PN-1252-L14817
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat banyak madrasah dan surau India Muslim di seluruh negara. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memantau perjalanan madrasah/surau tersebut dan adakah sebarang dana atau peruntukan disalurkan kepada mereka yang berdaftar.

27. PN-1252-L15129
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan ke Amerika Selatan bagi menyiasat kehilangan enjin jet pejuang F-5E, dan apakah hasil siasatan tersebut serta adakah enjin-enjin itu ditemui.

28. PN-1252-L15157
Datuk Kadzim M. Yahya minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sebagai satu langkah untuk menyeragamkan atau sekurang-kurangnya menurunkan harga barangan di Sabah dan Sarawak, adakah Kementerian merancang untuk membuat kawalan dan pemantauan dan tidak terus membiarkan *market forces* menentukan kadar caj-caj yang dikenakan oleh syarikat perkapalan dan pengangkutan darat memandangkan industri pengangkutan ini menikmati subsidi dan insentif Kerajaan, maka adalah wajar untuk sebarang caj yang dikenakan dibuat dengan ketelusan dan sehaluan dengan dasar Kerajaan untuk tidak membebankan rakyat sebagai pengguna.

29. PN-1252-L14992
Dr. S. Ramakrishnan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap ketidaksamaan *(Gini Coefficient)* negara ini dari segi pendapatan, kekayaan, dan kesihatan dibandingkan dengan 5 tahun lepas serta nyatakan kaum mana yang menunjukkan ketidaksamaan paling ketara.

30. PN-1252-L15234
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status 141 perusuh perhimpunan haram Bersih 3.0 yang dikehendaki polis dan sejauh manakah tindakan telah diambil terhadap mereka.

31. PN-1252-L14865
Tuan Chiew Lian Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa masih ada para pemandu teksi yang masih enggan menggunakan meter dan enggan membawa penumpang-penumpang ke destinasi tertentu atas alasan kesesakan jalan dan apakah tindakan Kementerian untuk membanteras gejala tidak sihat ini.

32. PN-1252-L15088
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian bagi mengurangkan sistem pelajaran sekarang yang terlalu berorientasikan peperiksaan dan nyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan sistem penilaian berterusan ke atas prestasi pelajar.

33. PN-1252-L14950
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membasmi kemiskinan serta menjelaskan program-program yang dapat membantu mereka menjadi berdikari serta tidak perlu lagi bergantung kepada bantuan Kerajaan dalam jangka masa yang sesuai.

34. PN-1252-L14882
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam membantu kedai-kedai runcit yang dimiliki oleh individu warganegara Malaysia, daripada bankrap dan ditutup, dan sejauh manakah program TUKAR (Transformasi Kedai Runcit) membantu pekedai runcit di negara ini.

35. PN-1252-L15296
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian mengiktiraf ijazah daripada UNITAR Kota Kinabalu dan kalau ya, kenapakah Jabatan Pelajaran Malaysia di Sabah enggan untuk mengambil atau menempatkan graduan-graduan daripada universiti tersebut sebagai guru.

36. PN-1252-L15188
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi mengurangkan pencemaran jerebu dari Sumatera daripada melanda negara kita.

37. PN-1252-L14759
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek NCER Taman Teknologi Industri Pauh di negeri Perlis, yang digambarkan bakal memberi kesan positif kepada Kedah, menyediakan peluang pekerjaan bagi penduduk setempat serta prasarana lain seperti kemudahan perumahan dan klinik kesihatan, sekolah dan balai polis.

38. PN-1252-L14787
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kejayaan projek 'estet padi' yang dilaksanakan melalui projek permulaan (EPP) di bawah bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) yang dimulakan di Kedah dan Perlis sejak November 2011 lalu.

39. PN-1252-L15058
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa peratus nilai eksport ke Eropah daripada jumlah nilai eksport Malaysia dan apakah kesan yang akan dihadapi oleh pengeksport jika *Eurozone Debt Crisis* berterusan.

40. PN-1252-L14765
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat perancangan bagi menyenaraikan FELCRA di Bursa Malaysia seperti dilaksanakan ke atas FELDA melalui Felda Global Ventures Berhad (FGVH).

41. PN-1252-L14927
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah kemasukan pelancong ke negara ini untuk tempoh suku tahun pertama 2012 dan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk tujuan promosi pelancongan sepanjang tempoh tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama pelancong ke rantau Asia Tenggara berbanding Thailand dan Singapura.

42. PN-1252-L15300
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan peruntukan untuk pelan transformasi luar bandar dan secara spesifiknya, apakah pelan perancangan transformasi yang disediakan dan fokusnya untuk negeri-negeri.

43. PN-1252-L14936
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah pengeluaran koko negara sedang meningkat atau menurun. Jika pengeluaran sedang menurun, apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan lagi pengeluaran.

44. PN-1252-L14834
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah mesin pengimbas di kesemua Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) seluruh negara mencukupi dan berikan jumlah nilai rampasan yang telah dibuat di setiap ICQS sepanjang tahun lepas.

45. PN-1252-L14811
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bilangan S.J.K (Tamil) di negara ini. Berikan pecahan mengikut sekolah bantuan penuh dan bantuan modal dan berapakah peruntukan yang disalurkan kepada S.J.K (Tamil) mulai 2008 hingga kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan enrolmen di S.J.K (Tamil) di seluruh negara terutamanya di sekolah kurang murid (SKM).

46. PN-1252-L14956
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Rukun Tetangga dan Pasukan RELA boleh membantu pihak polis mengawal keselamatan di bawah peraturan-peraturan Akta Rukun Tetangga 2012 dan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012.

47. PN-1252-L15240
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan satu dasar bagi pembantu rumah yang beragama Islam dari mana-mana negara yang bekerja di Malaysia, di mana yang beragama Islam mestilah bekerja dengan majikan yang sama agama dengannya.

48. PN-1252-L14973
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) jumlah tangkapan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan negara asal mereka serta jumlah majikan terlibat mengikut negeri sejak tahun 2011 sehingga sekarang; dan

(b) apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat.

49. PN-1252-L15349
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah yang terpaksa diperuntukkan oleh Kerajaan dalam menyelenggara serta membaiki kapal selam yang sudah dibeli serta syarikat yang memperoleh tender penyelenggaraan kapal selam tersebut.

50. PN-1252-L14998
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca kelewatan proses pemberian status Penduduk Tetap (PR) kepada masyarakat India yang telah bermastautin di Sabah lebih daripada 40 tahun sementara Kerajaan berjaya mendaftar 18,361 pendatang haram semenjak Pendaftaran PATI.

51. PN-1252-L14873
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa salah seorang Timbalan Ketua Setiausaha Kementeriannya boleh menulis surat kepada pihak Syarikat Telekom Malaysia membatalkan surat perjanjian antara Telekom Malaysia dan Nadia-Ayu Technologies Sdn. Bhd. dan memberi nama syarikat swasta dari negeri Sabah bagi menggantikan syarikat terdahulu dalam projek inisiatif swasta.

52. PN-1252-L15042
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah melantik pensyarah-pensyarah yang memiliki ijazah sarjana dan PhD daripada universiti-universiti yang diragukan *(dubious)* dan tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

53. PN-1252-L15233
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk menjadikan Pengerang sebagai sebuah hub minyak dan gas termasuk aktiviti penapisan dan petrokimia. Apakah insentif-insentif untuk menggalak pelaburan daripada luar negara.

54. PN-1252-L14962
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kesan-kesan pencemaran alam sekitar terhadap hasil tangkapan ikan-ikan laut dan ikan-ikan ternakan.

55. PN-1252-L15262
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pada ketika ini terdapat lebih dari 45 kelab mesin slot beroperasi di Sabah, dengan 10 daripadanya terletak di dalam kawasan DUN N19 Kapayan di Penampang, Sabah. Terdapat laporan mengatakan berbilion ringgit telah 'hilang' melalui kelab-kelab ini yang menjejaskan ekonomi di Sabah. Tiada kelab yang sebegini beroperasi di Sarawak. Apakah rancangan Kerajaan bagi membendung perjudian dan menutup operasi kelab-kelab ini.

56. PN-1252-L14872
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah kem Khidmat Negara dan kapasiti kesemua kem-kem ini. Bagaimanakah seseorang pelajar dipilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara dan apakah pelan-pelan untuk menambah baik taraf kem dari segi keselamatan dan kesihatan pelajar.

57. PN-1252-L14874
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan garis panduan bagi membuka rumah kediaman warga emas *(senior citizen homecare)* serta jumlah rumah kediaman ini yang sedia ada di negara kita dan jumlah warga emas yang menggunakan perkhidmatan ini. Apakah cara dan pihak mana yang bertanggungjawab untuk memastikan rumah ini diuruskan mengikut garis panduan dan sama ada Kerajaan menyediakan unit perubatan untuk melawat rumah ini dari masa ke semasa.

58. PN-1252-L14919
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

(a) apakah tindakan Kementerian dalam membantu meringankan beban pembeli rumah terbengkalai yang memikul beban berganda apabila pemaju asal muflis dan pemaju baru yang mengambil alih projek mengenakan caj atau bayaran kepada pembeli untuk menyiapkan projek tersebut; dan

(b) jumlah sebenar projek perumahan terbengkalai di seluruh negara sehingga kini serta berapa jumlah projek yang berjaya dipulihkan.

59. PN-1252-L14888
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tangkapan kes ajaran sesat di seluruh negara sejak lima tahun lalu dan adakah Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri menyiasat sekolah dan maahad tahfiz-tahfiz yang beroperasi di seluruh negara secara berkala, bagi memastikan tiada penyebaran fahaman ajaran sesat di sana.

60. PN-1252-L15355
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bahawa adakah Kerajaan bercadang untuk membangunkan sendiri industri pertahanan negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada negara luar dalam soal perolehan peralatan persenjataan negara, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalaman negara.

61. PN-1252-L15215
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memantau dan mengawasi kes-kes peras ugut dan penganiayaan oleh "Ah Long" atau ceti-ceti haram. Apakah tindakan Kerajaan terhadap iklan-iklan liar di tiang-tiang elektrik dan dinding-dinding kedai yang menawarkan peminjaman wang atau penggadaian emas dan barang-barang kemas.

62. PN-1252-L14915
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian terhadap mana-mana negeri yang mengenakan bayaran untuk proses *rezoning* tanah dan juga ubah syarat tanah yang tidak mengikuti piawaian standard Kementerian.

63. PN-1252-L15017
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap penganjur Bersih 3.0. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap beberapa orang pemimpin asing melalui undang-undang negara kita.

64. PN-1252-L15123
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah penuntut-penuntut dari UNISEL yang mendapat kemudahan pinjaman daripada PTPTN dan berapakah bilangan bekas penuntut UNISEL yang tidak membayar balik hutang pinjaman. Apakah rasional di sebalik pembekuan pemberian pinjaman PTPTN kepada pelajar-pelajar baru di UNISEL dan pembatalan pembekuan tersebut selepas itu.

65. PN-1252-L15319
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberi kepada seseorang penderma darah yang sudah lebih 30 kali kerap menderma darah kepada Bank Darah.

66. PN-1252-L15221
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memberi jaminan bahawa roh dan semangat Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib akan kekal sebagai asas dan landasan utama Falsafah Pendidikan Negara walau apa pun cadangan yang dikemukakan dalam perbincangan (kajian) sistem pendidikan yang berjalan sekarang.

67. PN-1252-L14805
Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang proses pemilihan yang dibuat dalam melantik mana-mana individu menjadi mana-mana anggota suruhanjaya diraja dan apakah kriteria yang perlu ada pada individu tersebut.

68. PN-1252-L15135
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan secara khusus bidang kuasa yang dimiliki oleh universiti yang dikatakan berautonomi penuh dalam soal pengambilan pelajar dan penetapan sukatan pelajaran.

69. PN-1252-L14979
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berhubung dengan satu seminar bertajuk fiqh taat kepada pemerintah yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana ahli-ahli panel terdiri daripada tokoh dalam dan luar negara. Apakah sebenar yang mendorong pihak penganjur mengadakan seminar tersebut dan apakah resolusi yang telah diperolehi.

70. PN-1252-L14840
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah benar dakwaan punca lebih 70,000 graduan menganggur adalah disebabkan sistem IPT kurang berkesan dan bergerak ke arah yang tidak sama dengan keperluan semasa. Jika benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

71. PN-1252-L14846
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah berlaku kepincangan dalam Sistem Biometrik dan Kad Berlepas sehingga berlakunya salah faham antara Kementerian Pelancongan dan Jabatan Imigresen dan bagaimana penyelesaian yang dilakukan terhadap isu ini.

72. PN-1252-L14793
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan sudah bersedia untuk menghapuskan caj 1 peratus yang dikenakan kepada peminjam PTPTN dan apakah kesannya.

73. PN-1252-L15121
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan berkenaan dengan operasi bas-bas awam memandangkan masih terdapat bas-bas dalam keadaan buruk yang masih beroperasi dan menjejaskan imej bandar raya serta mencemarkan alam sekitar.

74. PN-1252-L15256
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kriteria bagi menubuhkan sekolah antarabangsa, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah agama.

75. PN-1252-L15048
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar (WiFi) percuma bagi kawasan yang didiami oleh golongan yang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan internet.

76. PN-1252-L15011
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) apakah kedudukan Skim Rumah Pertamaku yang telah diluluskan dan berapa ramai yang memohon serta berapa jumlah permohonan yang telah ditolak; dan

(b) berapa kawasan yang akan dibangunkan di bawah skim tersebut.

77. PN-1252-L15330
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kaedah yang digunakan dan prosedur pelaksanaan untuk memantau kolej-kolej swasta dari segi kemasukan (penerimaan) pelajar-pelajar luar negeri dan dari segi kepatuhan kolej-kolej berkenaan melaksanakan syarat-syarat akademik (seperti pengajaran bahasa kebangsaan dan kajian Malaysia *(Malaysian studies)).*

78. PN-1252-L15336
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selain daripada mereka yang telah diputihkan dan juga mereka yang pulang, terdapat ramai lagi yang tidak berbuat apa-apa kerana ditipu oleh majikan sama ada ditinggalkan atau ditipu agen pendaftaran. Bagaimanakah Kementerian menangani mereka-mereka yang teraniaya tetapi masih lagi mahu bekerja mencari rezeki di Malaysia. Apakah ada lagi program Khas dibuat untuk membolehkan saki-baki PATI ini di benarkan bekerja sementara dan Majikan Baru mereka menyediakan dokumentasi baru untuk memutihkan pekerja ini. Jika ada apakah mekanismenya dan Jika tiada, adakah industri Malaysia bakal terjejas, kerana jumlah yang masih belum diputihkan tetapi masih berada di Malaysia dikatakan mencecah hampir 1 juta orang.

79. PN-1252-L15180
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah bilangan koperasi yang ditubuhkan dan aktif di negara ini, serta jumlah sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sejajar dengan langkah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengisytiharkan tahun 2012 sebagai Tahun Koperasi, apakah program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan amalan pengurusan yang lebih produktif di kalangan koperasi di negara ini.

80. PN-1252-L15110
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi untuk menarik syarikat-syarikat pengeluar kapal terbang terkemuka dunia untuk melabur di negara ini, khususnya dengan jangkaan perkembangan pesat di rantau Asia Pasifik.

81. PN-1252-L14799
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kementerian bersedia untuk menyiasat mengenai dakwaan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan yang mengatakan wujudnya hubungan perniagaan di antara ahli politik dan kongsi gelap dan perkara ini wajar ditangani dengan kadar segera.

82. PN-1252-L14944
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan Jonker Walk di Melaka telah berjaya menjadi satu destinasi pelancong yang popular di kalangan pelancong tempatan dan asing. Ini telah membantu meningkatkan pendapatan negara dalam bidang pelancongan. Adakah pihak Kerajaan akan menyediakan peruntukan khas untuk membantu meningkatkan populariti Jonker Walk pada masa akan datang.

83. PN-1252-L15023
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-

(a) status pembinaan rumah PPRT yang di bawah tanggungjawab Kementerian iaitu bilangan rumah dan jumlah wang yang dibelanjakan sejak tahun 2000; dan

(b) apakah projek ini berkesan dalam membasmi kemiskinan dan apakah ada usaha penambahbaikan terhadapnya terutama perumahan nelayan.

84. PN-1252-L15250
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan banci penduduk Malaysia tahun 2010, terdapat 889,779 warga asing dan 659,865 lain-lain masyarakat Bumiputera tinggal di Sabah. Berikan butiran terperinci mengenai warga asing tersebut termasuk lain-lain masyarakat Bumiputera yang menetap di Sabah.

85. PN-1252-L15197
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan pelaksanaan gaji minimum di sektor swasta.

86. PN-1252-L15342
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sehingga kini berapa banyak perbelanjaan telah dikeluarkan dan apakah kesan Program 1Azam kepada para peserta program sebelum dan selepas serta apakah jenis aktiviti ekonomi yang dikenal pasti paling berkesan mengurangkan jurang kemiskinan ini dan apakah aktiviti ekonomi yang paling tidak nampak memberi kesan kepada peserta.

87. PN-1252-L15268
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bagaimana Kementerian menjana sektor eko-pelancongan dalam usaha membangunkan sektor pelancongan di Labuan sekali gus meningkatkan sumber ekonominya.

88. PN-1252-L15204
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab Ibu Pejabat AirAsia telah berpindah dari Kuala Lumpur ke Jakarta. Adakah ini mungkin menjejaskan perkembangan status Kuala Lumpur sebagai *air traffic hub* pada masa depan.

89. PN-1252-L15100
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik pekerja perkhidmatan awam berketurunan India di semua Kementerian, agensi dan jabatan-jabatan dan gred pekerjaan mereka.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 26/2012)	Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 – **menyambung semula perbahasa atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (16 Julai 2012)** **[Menteri Sumber Manusia]**	
2.	(D.R. 29/2012)	Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 **[Menteri Pengangkutan]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R. 28/2012)	Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 **[Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	"

4. PN-1252-U15026
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan supaya mengambil pendekatan yang sesuai agar ajaran anutan Syiah tidak menular dan merebak di kalangan orang-orang Islam di negara kita kerana ada fakta menyebut terdapat 200 juta pengikut Syiah di seluruh dunia. Di negara kita, anutan Syiah sedang berkembang. Tanpa mengambil suatu tindakan yang cekap dan berkesan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri melalui JAKIM, penyebaran ajaran ini akan menyebabkan umat Islam negara kita yang mengamalkan ajaran Sunnah Waljamaah akan terpesong. Justeru, apakah usaha yang dilakukan JAKIM memadai selama ini dari segi penguatkuasaannya. Jika ya, nyatakan usaha berkenaan. Jika tidak, apakah Kerajaan merasakan perkara ini di dalam pemantuan dan tidak memudaratkan ummah Islam di Malaysia."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. PN-1252-U15027
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyarankan agar Kerajaan melaksanakan BR1M II seeloknya pada sebelum tahun baharu 2013 sebagai persiapan kepada persekolahan anak-anak dan sambutan tahun baru. Ini adalah usaha mapan Kerajaan ke arah membela nasib golongan yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan. Sesungguhnya, BR1M I telah memberi imbuhan langsung kepada golongan masyarakat berpendapatan rendah dan rata-rata rakyat cukup berterima kasih kepada Kerajaan.

Melihat kepada kesan daripada BR1M I, jika sesuai dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, adalah wajar BR1M II diberkan pada tahun ini atau awal tahun depan. Setelah BR1M I dilaksanakan, apakah tidak ada kesan kepada ekonomi negara sedangkan seluruh dunia sedang menghadapi kemelesetan ekonomi terutamanya di Amerika Syarikat dan beberapa Negara EU."

[Menteri Kewangan]

6. PN-1252-U15028
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak-pihak berwajib supaya meneliti dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas kebanjiran pelarian dari Myanmar yang mungkin lama kelamaan akan menyekat hak rakyat yang sah dan menjejaskan hubungan baik antara Negara. Bukan suatu rahsia lagi bahawa ramai orang-orang Islam yang terbunuh dan menjadi pelarian di Myanmar akibat pemerintahan junta sejak berpuluh tahun lalu. Tidak kurang 1,500 orang Islam telah berhijrah ke negara-negara jiran termasuk Malaysia. Mereka hidup merempat dan tidak sempurna dan ada yang menjadi peminta sedekah demi untuk sesuap nasi. Ada juga yang bekerja dengan syarikat-syarikat swasta mengikut minat dan kemahiran masing-masing. Persoalannya, apakah tindakan pihak Kerajaan terhadap masalah ini kerana jika tidak dibendung akibatnya lama-kelamaan kita terpaksa pula melayan mereka sebagai warga negara kerana ada di kalangan mereka yang berkahwin dengan penduduk setempat. Selain itu, kita juga terpaksa bertimbang rasa terhadap anak-anak mereka yang dahagakan pelajaran. Kita terpaksa memberi ruang yang adil kepada anak-anak mereka kerana aspek pelajaran, kesihatan, agama dan perlindungan adalah sesuatu yang universal. Justeru, saya memohon pihak-pihak berwajib supaya meneliti dan mengambil tindakan sewajarnya agar ianya tidak menjejaskan hubungan baik antara negara dan di masa sama tidak menjejaskan peluang rakyat tempatan yang sah dan yang hak."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

7. PN-1252-U15004
Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah penting bagi membolehkan rakyat untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan terutamanya keputusan-keputusan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata.

Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi *(participatory democracy)* dan kepentingan awam *(public interest)*. Rakyat Malaysia mengalu-alukan satu Kerajaan yang telus dan bertanggung jawab maka penggubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius penggubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telah pun di perkenalkan di negara-negara Komanwel yang lain.

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

8. PN-1252-U15005
Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun yang amat dibimbangi ia akan membawa padah kepada masa depan negara jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

(i) Mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.

(ii) Memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.

(iii) Mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.

(iv) Memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

(v) Memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggal di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.

(vi) Menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

UCAPAN PENANGGUHAN

BIL.	TARIKH UCAPAN	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1.	17.7.2012 (Selasa)	Sen. Dr. Syed Husin Ali	Aliran Keluar Kewangan Haram	Menteri Kewangan
2.	17.7.2012 (Selasa)	Sen. Dato' Boon Som a/l Inong	Status Masyarakat Siam Sebagai Bumiputera dalam bidang pendidikan	Menteri Pengajian Tinggi